

11 MAY 1997

KETUA MENTERI MELAKA DIMASUKKAN KE HOSPITAL TAWAKAL

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani hari ini dimasukkan ke Hospital Tawakal di sini kerana dipercayai mengalami tekanan darah tinggi.

Beliau kini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk pemeriksaan lanjut.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata keadaan Mohd Zin stabil setelah dimasukkan ke hospital itu pagi tadi.

"Beliau mengadu pening kepala pagi tadi dan dibawa ke Hospital Tawakal untuk pemeriksaan," katanya kepada pemberita selepas melawat Mohd Zin di hospital itu, malam ini.

Kerana keuzurannya, Mohd Zin tidak dapat menghadiri majlis sambutan ulangtahun ke-51 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pagi tadi, kata Mohd Ali.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menziarahi beliau selepas menghadiri majlis tahlil sempena ulangtahun Umno di PWTC malam ini.

Turut menziarahi beliau ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Isteri Mohd Zin, Datin Seri Fatimah Samdin serta anggota keluarganya turut berada di hospital.

Mohd Zin, 56, dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka pada Oktober 1994 menggantikan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. -- BERNAMA

NHD NAK